

Blogger Melayu lebih selesa guna dwibahasa

► **NUR DHUHA ESOOF**
nurdhuha@sph.com.sg

PENULIS blog di kalangan masyarakat Melayu lebih banyak menggunakan bahasa ibunda yang dicampur aduk dengan bahasa Inggeris dalam penulisan mereka, jika dibandingkan dengan penulis Cina dan India.

Satu kajian yang dijalankan Institut Pengajian Dasar (IPS) ke atas blog yang ditulis dalam bahasa ibunda mendapati daripada jumlah 30 penulis blog Melayu di Singapura, hanya 10 menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya di dalam tulisan blog mereka.

Penulis Cina dan India pula lebih banyak menulis sepenuhnya dalam bahasa Cina dan Tamil dengan penguasaan bahasa yang baik.

Hasil Kajian Blog dalam Bahasa Cina, Melayu dan Tamil itu dikongsi dalam satu seminar semalam.

Kajian tersebut dimulakan Disember lalu dan antara lain bertujuan mengkaji tentang bilangan dan jenis blog yang ditulis dalam bahasa ibunda, mengenali profil penulis blog tersebut serta topik yang dikupas di blog mereka.

Kajian ke atas penulis blog Melayu yang dijalankan Pengarah Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima), Dr Mohd Shamsuri Juhari, bersama penyelidik mahasiswa IPS, Cik Nur Atikah Amalina Mohd Zaimi, menunjukkan kandungan blog Melayu sering berkaitan dengan pengalaman peribadi dan gaya hidup, seperti perancangan perkahwinan dan memasak.

Ia juga mendedahkan bahawa penggunaan bahasa Melayu standard sering dilihat dalam blog yang membincangkan topik lebih serius seperti isu keagamaan, masyarakat dan bahasa, manakala bahasa Melayu basahan dicampur bahasa Inggeris sering digunakan bagi topik yang lebih ringan dan bercorak hiburan.

“Penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris yang dicampur aduk adalah satu keprihatinan kerana ia melambangkan status bahasa tersebut serta nilainya di kalangan masyarakat Melayu. Jika kita tidak selesa menulis dalam bahasa ibunda sendiri, ia melambangkan persepsi bahawa kita tidak meletakkan nilai

tinggi bagi bahasa ibunda kita,” kata Dr Shamsuri.

Salah seorang penulis blog yang menggunakan kedua bahasa itu dalam tulisannya ialah Cik Nur Farhana Abdul Malek, yang menulis tentang persiapan perkahwinan dalam blog Kahwin-khronicles.

“Saya sebenarnya mahu menulis dalam bahasa Melayu kerana tidak mudah menerangkan tentang perkara berkaitan budaya Melayu seperti bunga paha dan bunga rampai dalam bahasa Inggeris. Tetapi ramai pembaca saya mahu blog saya ditulis dalam bahasa Inggeris kerana mereka kurang fasih dalam bahasa Melayu,” ujar beliau.

Satu lagi penemuan kajian itu ialah penilaian intelektual mengenai budaya Melayu tidak ditulis dalam bahasa Melayu dan kebanyakan selebriti yang menggunakan bahasa Melayu dalam pekerjaan mereka tidak menulis blog dalam bahasa tersebut.

Bilangan penulis blog Melayu yang menulis tentang isu-isu politik pula telah beralih daripada meluahkan pandangan mereka di blog kepada Facebook.